

16/04/1997

ASK sudah hantar waran dividen kepada pelabur

ALOR STAR, Selasa - Amanah Saham Kedah (ASK) sudah memproses penghantaran waran dividen kepada pelabur mulai akhir bulan lalu berjumlah RM14.714 juta.

Mengikut laporan ASK yang dihantar kepada pelabur, semua pelabur dijangka mula menerima waran dividen melalui pos pada 1 April lalu.

Bagaimanapun, pelabur yang sudah berpindah alamat boleh membuat tuntutan di pejabat ASK atau menghubungi ASK bagi memaklumkan pertukaran alamat, sekali gus memudahkan urusan surat menyurat.

ASK memulakan penghantaran waran pada 27 Mac lalu dan setakat ini sebahagian besar pelabur sudah menerimanya.

Tabung Amanah itu dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Februari 1995. Antara lain, ia bertujuan meningkatkan taraf ekonomi rakyat, di samping sebagai jentera mengagih serta menyalurkan sumber kekayaan negeri dan negara kepada Bumiputera.

Sehingga Februari tahun ini, sejumlah 105.10 juta unit ASK didaftar membabitkan penyertaan 25,793 pelabur.

Sebanyak 55.95 peratus pelabur adalah kumpulan petani, nelayan, peneroka, peniaga kecil pesara dan suri rumah, manakala 75.06 peratus terdiri daripada mereka yang berpendapatan kurang daripada RM500 sebulan.

Mengikut laporan itu, ASK memperolehi sebanyak RM39.03 juta pendapatan kasar yang dikumpul oleh tabung berkenaan untuk tahun kewangan berakhir pada 28 Februari lalu.

Sebanyak 92.02 peratus perolehan adalah daripada hasil jualan saham pelaburan pasaran wang (4.35 peratus), penerimaan dividen kasar (2.02 peratus) dan 1.61 peratus hasil pendapatan lain.

Bagaimanapun, selepas ditolak pelbagai perbelanjaan, termasuk pengurusan dan cukai, keuntungan bersih ASK ialah RM36.66 juta.

Sehingga akhir Februari lalu, ASK melabur dalam 48 syarikat dengan kos pelaburan kira-kira RM77.72 juta. Pelaburan termasuk dalam sektor pasaran wang, hartanah, barangan pengguna, barangan industri, pembinaan, perladangan, perlombongan, infrastruktur, perdagangan dan perkhidmatan.

Berdasar kepada keuntungan yang diperolehi, ASK membayar dividen bersih 14 sen seunit kepada pelabur.

(END)